

# Kajian: Majoriti warga S'pura optimis projek Negara Bijak

Tinjauan tunjuk sedikit penurunan dalam keyakinan, tetapi tiga daripada lima warga percaya pemerintah boleh kendali krisis pencerobohan data SingHealth.

KES pencerobohan data SingHealth baru-baru ini – yang paling buruk di Singapura – sedikit sebanyak telah menjejaskan sikap optimis warga terhadap wawasan menjadi Negara Bijak.

Namun, kebanyakan warga masih yakin dengan keupayaan pihak berkuasa dalam menangani krisis tersebut, berdasarkan dapatan tinjauan baru oleh Makmal Sosial Institut Pengajian Dasar (IPS).

Sejumlah 53.4 peratus daripada 1,027 peserta yang menyertai tinjauan itu berkata mereka optimistik terhadap inisiatif Negara Bijak bagi tempoh 12 bulan akan datang.

Jumlah itu lebih rendah berbanding 55.9 peratus yang berkongsi perasaan tentang perkara yang sama tahun lalu.

Tiga daripada lima peserta juga yakin pihak berkuasa berupaya menangani krisis SingHealth.

Serangan siber yang berlaku dari 27 Jun hingga 4 Julai lalu, mencebahi maklumat peribadi 1.5 juta pesakit di kelompok jagaan kesihatan tersebut termasuk maklumat peribadi dan preskripsi milik Perdana Menteri Lee Hsien Loong.

Pencerobohan itu menyebabkan pihak berkuasa menghentikan buat sementara projek Negara Bijak – tetapi disambung semula pada 3 Ogos lalu.

Presiden syarikat khidmat keselamatan V-Key Joseph Gan berkata tindakan pantas yang diambil pemerintah untuk menangani masalah itu membantu meyakinkan warga bahawa pencerobohan itu tidak akan ‘membiarkan identiti mereka dicuri dengan mudah’.

Sebagai contoh, Penguasa Kewangan Singapura (MAS) mengeluarkan perintah kepada institusi kewangan supaya tidak semata-mata bergantung kepada nombor kad pengenalan dan nama untuk membuat pengesahan pelanggan.

Dengan sekitar separuh peserta melahirkan rasa optimis mereka tentang usaha ke arah Negara Bijak bagi tahun mendatang, ia sekali gus menggambarkan separuh lagi peserta dalam tinjauan yang “tidak begitu yakin” dengan keupayaan Singapura mempertingkatkan usaha Negara Bijak di masa depan, kata ketua juruanalisis di syarikat keselamatan mak-

lumat KuppingerCole, Encik Anmol Singh.

Perkara itu timbul, mungkin ekoran kurang pemahaman dan penglibatan dalam inisiatif Negara Bijak, kata Encik Anmol, yang akur pencerobohan SingHealth juga antara faktor.

“Walau pencerobohan ini tidak berkaitan secara langsung dengan inisiatif Negara Bijak... orang awam mungkin mengaitkannya dengan perubahan yang sedang berlaku di sekeliling mereka, satu perkara semula jadi,” kata beliau.

Diumumkan pada 2014, pelan induk Negara Bijak Singapura merangkumi penggunaan teknologi untuk menjadikan negara ini berfungsi secara lebih berkesan dalam berbilang bidang, termasuk jagaan kesihatan dan pendidikan.

Antara projek utama termasuk pembentukan sistem pengenalan digital nasional, serta mengumpulkan maklumat perubahan pesakit dalam sistem Rekod Kesihatan Elektronik Nasional.

Hasil tinjauan IPS itu juga menimbulkan beberapa pandangan berbeza tentang inisiatif Negara Bijak dan

perlindungan data, selari dengan tahap pendidikan – sesuatu yang perlu ditangani, kata pakar yang diwawancara.


Sebagai contoh, 52.8 peratus pemilik diploma dan ijazah berkata mereka optimis tentang wawasan Negara Bijak, berbanding 56.8 peratus yang mempunyai kelayakan sekolah rendah dan ke bawah.

Tinjauan itu, yang dipimpin oleh zamil kanan Makmal Sosial IPS Cik Natalie Pang, melibatkan warga Singapura berusia sekurang-kurangnya 21 tahun dari 27 Julai dengan 14 Ogos lalu, selepas berita tentang serangan ke atas SingHealth muncul pada 20 Julai.

Hasil tinjauan itu dikongsi dengan akhbar *The Sunday Times*.

Peserta tinjauan dipilih secara rambang dan kumpulan itu dibentuk mengikut jantina, kaum dan usia supaya mewakili penduduk di Singapura.

Hasil tinjauan tersebut diperoleh menjelang permulaan kerja Jawatankuasa Siasatan hari ini, yang ditubuhkan untuk meneliti faktor yang menyebabkan serangan ke atas SingHealth.



**MASIH YAKIN:** Daripada 1,027 mereka yang ditinjau, lebih separuh iaitu 53.4 peratus berasa optimis mengenai inisiatif Negara Bijak sepanjang 12 bulan akan datang walaupun selepas serangan siber ke atas SingHealth. – Foto REUTERS